



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**HUBUNGAN ANTARA LITERASI KEWANGAN, PENGARUH  
IBU BAPA DAN KAWALAN DIRI DENGAN SIKAP MENABUNG  
PELAJAR UNIVERSITI**

*THE RELATIONSHIP BETWEEN FINANCIAL LITERACY, PARENTS  
INFLUENCE, AND SELF-CONTROL WITH SAVINGS BEHAVIOUR OF  
UNIVERSITY STUDENTS*

Rusliza Yahaya<sup>1\*</sup>, Noor Lela Ahmad<sup>2</sup>, Suzyanty Mohd Shokory<sup>3</sup>, Mohamad Ali Roshidi Ahmad<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Department of Accounting and Finance, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: [rusliza@fpe.upsi.edu.my](mailto:rusliza@fpe.upsi.edu.my)

<sup>2</sup> Department of Accounting and Finance, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: [noor.lela@fpe.upsi.edu.my](mailto:noor.lela@fpe.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Business & Entrepreneurship, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: [suzyanty@fpe.upsi.edu.my](mailto:suzyanty@fpe.upsi.edu.my)

<sup>4</sup> Department of Accounting and Finance, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: [roshidi@fpe.upsi.edu.my](mailto:roshidi@fpe.upsi.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 12.08.2023

Revised date: 24.08.2023

Accepted date: 10.09.2023

Published date: 20.09.2023

**To cite this document:**

Yahaya, R., Ahmad, N. L., Shokory, S. M., & Ahmad, M. A. R. (2023). Hubungan Antara Literasi Kewangan, Pengaruh Ibu Bapa Dan Kawalan Diri Dengan Sikap Menabung Pelajar Universiti. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (51), 278-288.

**Abstrak:**

Kajian lepas menunjukkan bahawa literasi kewangan dan sikap menabung dalam kalangan pelajar universiti masih rendah dan ramai mahasiswa menghadapi masalah kewangan kerana tidak mempunyai sebarang simpanan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan menabung dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah mengkaji hubungan antara literasi kewangan, pengaruh ibu bapa dan kawalan diri dengan sikap menabung pelajar universiti. Data secara tinjauan dikutip daripada sampel berjumlah 377 orang pelajar universiti awam. Data dianalisis menggunakan statistik inferensi iaitu analisis korelasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap literasi kewangan, pengaruh ibu bapa, kawalan diri dan sikap menabung yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap literasi kewangan, pengaruh ibu bapa dan kawalan diri dengan sikap menabung. Kajian ini menambah kepada literatur dengan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan menabung dan memberikan input kepada pihak universiti dan ibu bapa terutamanya bagi membina amalan menabung yang baik dalam kalangan pelajar. Pengetahuan kewangan perlu diterapkan dalam

DOI: 10.35631/IJEPC.851020

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

diri anak-anak sejak dari sekolah agar mereka mempunyai literasi kewangan yang baik dan seterusnya membolehkan mereka mengurus kewangan dengan berkesan.

**Kata Kunci:**

Literasi Kewangan, Pengaruh Ibu Bapa, Kawalan Diri, Sikap Menabung

**Abstract:**

Previous studies have shown that financial literacy and saving behaviour among university students are still low and many students face financial problems because they do not have any savings. This study aims to examine savings behaviour among university students in Malaysia. Specifically, this study examines the relationship between financial literacy, parents' influence, self-control, and savings behaviour among university students. Data was gathered from a sample of 377 university students through the survey method. The data was analysed using correlation. The findings reveal that the respondents have a high level of financial literacy, parental influence, self-control, and savings behaviour. Results indicated that financial literacy, parental influence and self-control positively related to savings behaviour. This study enriched the literature by identifying factors that influenced savings behaviour and provided suggestions to be practised by universities and parents in developing good savings behaviour among students. Financial knowledge needs to be inculcated in children from school so that they have good financial literacy and further enable them to manage their finances effectively.

**Keywords:**

Parent Influence, Financial Literacy, Self-Control, Savings Behaviour

**Pendahuluan**

Isu kenaikan kos sara hidup sering menjadi permasalahan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia sama ada dari golongan berpendapatan tinggi, rendah mahupun sederhana. Menurut Yusof dan Jamaluddin (2018), kebanyakan penduduk terutamanya di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana mengawal perbelanjaan seharian mereka dan melakukan amalan berjimat cermat bagi mengelakkan masalah kewangan. Mereka sukar untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dari segi hiburan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya kerana terpaksa memenuhi keperluan asas yang lebih penting. Ini juga menyebabkan tiada lebih wang untuk mereka gunakan bagi kegunaan sampingan yang lain termasuklah menabung. Justeru, rakyat Malaysia perlu menambah pendapatan mereka bagi menampung kos sara hidup mereka dan seterusnya dapat melakukan sedikit tabungan bagi tujuan kecemasan. Walaupun rakyat terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi, amalan menabung penting diamalkan kerana tabungan daripada masyarakat akan menggalakkan pelaburan yang seterusnya meransang pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara (Anastasya & Pamungkas, 2023; Abdul Jamal et al., 2016). Di samping itu, tingkah laku menabung dapat melatih individu untuk berbelanja secara berhemah dan mengawal diri daripada melakukan perbelanjaan yang sia-sia (Mpaata et al., 2020).

Semasa di universiti, pelajar menghadapi cabaran kewangan yang kompleks kerana mereka perlu membuat banyak keputusan yang melibatkan kewangan (Hartono & Isbanah, 2022). Ini sepatutnya tidak menjadi masalah kerana pelajar yang tinggal berjauhan dengan ibu bapa seharusnya boleh menguruskan wang mereka dengan penuh tanggungjawab (Khaliharani, Johan, & Sabri, 2022). Namun, golongan muda masa kini sering menghadapi cabaran dalam

kehidupan di universiti kerana keupayaan pengurusan kewangan mereka yang terhad (Yahaya et al., 2019). Tinjauan dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia menunjukkan bahawa pelajar membelanjakan pinjaman pelajaran mereka untuk tujuan bukan akademik yang menyebabkan mereka mengalami masalah kewangan (Abdul Jamal et al., 2016; Shahrul Azmi et. al, 2018). Pelajar mempunyai sikap berbelanja yang tinggi dan tidak dikawal menjadikan tingkah laku menabung sangat mencabar. Amalan menabung dapat memberikan banyak kelebihan dalam menghadapi cabaran ekonomi di era modenisasi dan globalisasi ini terutamanya untuk mengelak pelbagai masalah kewangan pada masa hadapan. Menabung meningkatkan kestabilan kewangan dan boleh digunakan sebagai dana kecemasan untuk membantu keperluan masa hadapan (Soukotta et. al, 2022). Walaupun amalan menabung adalah penting, namun kajian menunjukkan bahawa perbelanjaan bagi tujuan simpanan adalah agak rendah dan telah menurun. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah dan ramai orang gagal mengurus kewangannya dengan berkesan dan dibelenggu masalah hutang (Ariffin et al, 2017). Masalah hutang khususnya dalam kalangan golongan dewasa muda Malaysia, boleh dikatakan berpunca daripada kekurangan pengetahuan kewangan, berbelanja berlebihan pada barangan yang tidak perlu atau disebabkan dorongan membeli, dan mengekalkan gaya hidup mewah yang mendorong mereka menggunakan pinjaman untuk memuaskan hati mereka (Abdul Jamal et. al, 2016). Walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menggalakkan tahap simpanan yang lebih tinggi di kalangan rakyatnya, namun kadar simpanan kekal rendah. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji literasi kewangan dan juga amalan menabung dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Objektif kajian ini termasuk:

1. mengkaji tahap literasi kewangan, pengaruh ibu bapa, kawalan diri dan sikap menabung dalam kalangan pelajar.
2. mengkaji hubungan antara literasi kewangan, pengaruh ibu bapa, dan kawalan diri dengan sikap menabung dalam kalangan pelajar.

### **Kajian Literatur**

Sikap menabung boleh dipengaruhi oleh pelbagai aspek dan ianya juga bergantung kepada situasi kehidupan seseorang individu. Salikin et al., ( 2012) mendapati bahawa hampir 60% pelajar universiti yang memilih untuk menabung dipengaruhi oleh pendapatan ibu bapa atau keluarga. Kajian lepas juga menyatakan bahawa literasi kewangan sememangnya mempunyai hubungan signifikan dengan sikap menabung (Lie et al., 2022; Ariffin et al., 2017; Setiawan et al., 2022). Kebanyakan pelajar menghadapi masalah kewangan yang disebabkan oleh kekurangan literasi kewangan. Mereka membelanjakan pinjaman pelajaran untuk tujuan bukan akademik yang mengakibatkan mereka terjerumus ke dalam masalah kewangan (Sabri & McDonald, 2010). Kajian lepas menunjukkan pelajar universiti mempunyai pengetahuan yang tidak mencukupi untuk menguruskan kewangan peribadi mereka dengan berkesan (Sabri & MacDonald, 2010; Abdul Jamal et. al, 2016). Sememangnya keperluan kehidupan dan kewangan di institusi pengajian tinggi hari ini amat berbeza dengan zaman dahulu. Namun begitu, pendedahan kepada pengurusan kewangan adalah sangat terhad dan minimum sehinggakan pelajar menghadapi masalah dalam kehidupan di universiti mereka. Oleh itu, adalah perlu untuk meningkatkan literasi kewangan individu khususnya bagi pelajar tahun akhir yang akan menyertai tenaga kerja supaya mereka mempunyai sikap pengurusan kewangan yang positif dan seterusnya meningkatkan tabiat menabung (Ariffin et al., 2017; Yahaya et. al, 2019).

Pengaruh ibu bapa merupakan faktor utama yang boleh mempengaruhi kanak-kanak dalam pembuatan keputusan berkenaan dengan kewangan (Robertson-Rose, 2020). Salikin et al. (2012) mendapati bahawa ibu merupakan faktor utama yang mempengaruhi responden dalam membuat keputusan berkenaan dengan kewangan seperti menabung kerana ibu merupakan individu yang paling rapat dengan responden dan sentiasa mengingatkan responden berkenaan dengan kelebihan menabung. Ibu bapa yang mempunyai pendidikan dalam pengurusan kewangan mampu mendidik anak-anak untuk bijak dalam menguruskan kewangan mereka sendiri (Robertson-Rose, 2020). Ini menunjukkan bahawa pengaruh ibu bapa mempunyai hubungan signifikan dengan sikap menabung (Firmansyah, 2014; Salikin et al., 2012; Amilia et al., 2018)

Kawalan sendiri ialah pilihan seseorang individu dalam memilih sama ada mahu melakukan perkara yang betul atau salah serta memilih antara yang hak dengan batil (Ismail, 2014). Faisal et al. (2023) mendefinisikan kawalan sendiri sebagai kemahiran setiap orang untuk mengawal keinginan dalam atau luar diri. Individu yang mempunyai kepakaran dalam kawalan diri boleh menghasilkan sesuatu yang diharapkan dengan berkesan daripada keputusan dan tindakan untuk mengelakkan akibat yang tidak dijangka. Rey-Ares et al. (2021) menyatakan bahawa tahap kawalan diri yang tinggi meningkatkan kebarangkalian untuk menetapkan matlamat kewangan jangka panjang dan perancangan perbelanjaan, bersama-sama dengan kepuasan kewangan individu. Semakin bijak seseorang pelajar itu mengawal diri maka semakin baik sikap pelajar tersebut untuk konsisten dalam melakukan aktiviti menabung (Faisal et al., 2023). Tambahan lagi, pelajar yang mempunyai tujuan yang jelas dan ingin dicapai dalam suatu jangka masa tertentu akan lebih cenderung untuk melakukan amalan menabung dengan cara berbelanja dengan bijak. Ia juga berkaitan dengan sikap seseorang dimana pelajar yang mempunyai sikap positif mampu melindungi diri daripada membuat kesalahan dari segi dorongan berbelanja melebihi kemampuan (Sirine & Utami, 2016; Abdul Jamal *et al.*, 2016).

## Metodologi

Populasi bagi kajian ini adalah semua pelajar peringkat ijazah sarjana muda sebuah universiti awam yang terletak di semenanjung Malaysia. Jumlah populasi adalah seramai 17,664 pelajar dari sembilan buah fakulti. Seramai 400 pelajar telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini berdasarkan senarai yang diberikan oleh setiap fakulti. Data dikumpul menggunakan soal selidik berbentuk google form yang dihantar melalui emel kepada pelajar. Emel peringatan pertama dihantar selepas dua minggu emel pertama dihantar, dan emel peringatan kedua dihantar seminggu selepas itu. Hanya 377 soal selidik yang lengkap dapat digunakan bagi tujuan kajian ini. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden. Bahagian B terdiri daripada item-item untuk menilai faktor mempengaruhi sikap menabung. Bahagian ini mempunyai 38 item soalan yang terbahagi kepada 3 dimensi utama. Dimensi pertama ialah literasi kewangan yang mempunyai 20 item, dimensi kedua ialah pengaruh ibu bapa yang mempunyai 8 item dan dimensi ketiga pula ialah kawalan diri yang mempunyai 10 item. Bahagian C pula merupakan item-item yang berkaitan dengan sikap menabung. Skala pengukuran menggunakan skala Likert 5 mata iaitu sangat tidak setuju (nilai 1) sehingga sangat setuju (nilai 5). Bagi item-item negatif, proses "recode" dilakukan sebelum dianalisis.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar dari sebuah universiti awam. Kesemua dimensi atau bahagian dalam instrumen mempunyai nilai Cronbach Alpha melebihi 0.60 iaitu amat baik. Nilai Cronbach Alpha bagi literasi kewangan (0.84), pengaruh ibu bapa (0.91), kawalan diri (0.92) dan sikap menabung (0.90).

## Dapatan dan Perbincangan

### Latar belakang responden

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden bagi kajian ini. Jumlah pelajar perempuan ialah sebanyak 67.4%, manakala pelajar lelaki adalah 32.6%. Majoriti responden (89.8%) berumur di antara 21 hingga 25 tahun. Kebanyakan responden mempunyai ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan SPM dan ke bawah, iaitu bapa (57.8%) dan ibu (64.8%). Majoriti bapa responden bekerja sendiri (37.9%) manakala majoriti ibu responden merupakan suri rumah (55.7%). Dari segi pendapatan ibu bapa pula, majoriti daripada mereka (70.3%) tergolong dalam golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000. Seramai 223 orang responden (59.2%) menerima elaun bulanan sebanyak RM 200 sebulan, 31.8% menerima elaun sebanyak RM201 hingga RM500 sebulan dan hanya 9% mendapat elaun melebihi RM500.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

		Kekerapan (n=377)	Peratus
Jantina	Lelaki	123	32.6
	Perempuan	254	67.4
Umur	<20 tahun	43	11.4
	21-25 tahun	331	87.8
	>25 tahun	3	0.8
Pendidikan bapa	SRP	72	19.1
	SPM	146	38.7
	STPM	25	6.6
	Diploma	50	13.3
	Ijazah Sarjanamuda	66	17.5
	Ijazah sarjana / kedoktoran	18	4.8
Pendidikan ibu	SRP	99	26.3
	SPM	145	38.5
	STPM	42	11.1
	Diploma	28	7.4
	Ijazah Sarjanamuda	36	9.5
	Ijazah sarjana / kedoktoran	27	7.2
Pekerjaan bapa	Kerajaan	104	27.6
	Swasta	94	24.9
	Bekerja sendiri	143	37.9
	Tidak bekerja	12	3.2
	Pesara	24	6.4
Pekerjaan ibu	Kerajaan	57	15.1
	Swasta	40	10.6
	Bekerja sendiri	66	17.5
	Surirumah	210	55.7
	Pesara	4	1.1
Pendapatan isi rumah	<RM3000	267	70.3

	RM3001 – RM7000	94	24.9
	>RM7000	17	4.8
Elaun sebulan	<RM200	223	59.2
	RM201-RM500	120	31.8
	RM501-RM800	25	6.6
	RM801-RM1000	3	0.8
	>RM1000	6	1.6

### Literasi Kewangan, Pengaruh Ibu Bapa, Kawalan Diri dan Sikap Menabung,

Jadual 2 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item literasi kewangan. Nilai min keseluruhan bagi bahagian ini berada pada tahap yang tinggi iaitu bernilai 4.01 dan sisihan piawainya ialah 0.648. Ini bermakna, pelajar mempunyai literasi kewangan yang tinggi. Item 3 “gaji atau upah yang saya perolehi juga dikenali sebagai pendapatan “ mempunyai skor min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.27 dan sisihan piawai 0.880 manakala item 11 “meminjam wang dari bank adalah merugikan saya berbanding dengan menggunakan wang simpanan yang saya ada” mempunyai nilai min terendah iaitu sebanyak 3.65 dengan sisihan piawai 1.031.

**Jadual 2: Analisis Deskriptif Literasi Kewangan**

Bil	Item	Min	SP
1	Bajet atau belanjawan adalah perancangan kewangan	3.86	1.264
2	Bajet membimbing saya berbelanja secara berhemah	4.20	0.574
3	Gaji atau upah yang saya perolehi juga dikenali sebagai pendapatan	4.27	0.880
4	Penetapan kadar faedah adalah mengikut jenis bank	4.08	0.994
5	Peruntukan 10 peratus untuk simpanan adalah satu idea yang baik	4.11	0.876
6	Faedah adalah syarat pinjaman apabila saya meminjam wang dari bank	4.05	0.889
7	Wang yang telah saya gunakan juga dikenali sebagai perbelanjaan	4.24	0.864
8	Bajet atau belanjawan perlu mengandungi kedua-dua pendapatan dan perbelanjaan	4.16	0.866
9	Pembelian insuran adalah pelaburan yang baik	4.00	0.911
10	Apabila saya meminjam wang dari bank, saya seboleh-bolehnya cuba untuk mendapatkan kadar faedah yang paling rendah	3.97	1.002
11	Meminjam wang dari bank adalah merugikan saya berbanding dengan menggunakan wang simpanan yang saya ada	3.65	1.031
12	Apabila saya membeli sesuatu dengan menggunakan kad kredit bermaksud saya membelanjakan wang milik bank	3.71	1.179
13	Apabila saya membeli sesuatu dengan kad debit bermaksud saya membelanjakan wang dalam akaun simpanan saya di bank	4.01	1.059
14	Apabila saya menyimpan wang dalam akaun simpanan bank, maka bank akan membayar faedah kepada saya	3.94	1.027
15	Apabila saya meminjam wang dari bank, kadar faedah yang dikenakan adalah lebih tinggi daripada kadar faedah yang dibayar oleh bank ke atas wang simpanan saya di bank	3.81	1.005
16	Kenaikan harga barang mengurangkan kuasa beli	4.14	0.970
17	Membeli barang secara berhutang akan mengurangkan kuasa beli pada masa akan datang	3.84	1.147
18	Keluarga perlu mempunyai simpanan kecemasan sekurang-kurangnya 3 bulan pendapatan keluarga	4.19	0.944

19	Kita tidak sepatutnya meminjam wang untuk melabur	4.02	1.054
20	Pemilikan kad kredit meningkatkan kuasa beli seseorang	3.88	1.085
	Keseluruhan	4.01	0.648

Jadual 3 menunjukkan bahawa nilai min dan sisihan piawai keseluruhan bagi pengaruh ibu bapa berada pada tahap yang tinggi (min=3.98, SP=0.711) dan ini bermakna ibu bapa responden mempunyai pengaruh yang kuat terhadap anak-anak mereka. Item 6 “saya menghargai nasihat yang diberi oleh ibu bapa tentang apa yang perlu dilakukan dengan wang saya.” mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.22 dan nilai sisihan piawainya ialah 0.876 manakala item 3 pula “adalah lebih baik apabila ibu bapa mengawal perbelanjaan saya.” mempunyai nilai skor min yang terendah iaitu sebanyak 3.73 dengan nilai sisihan piawainya ialah 1.117. Dapatan ini menunjukkan pentingnya peranan ibu bapa dalam menasihati dan memberi panduan kepada anak-anak mereka terutamanya berkaitan kewangan.

**Jadual 3: Jadual Analisis Deskriptif Pengaruh Ibu Bapa**

Bil	Item	Min	SP
1	Ibu bapa saya merupakan contoh yang baik kepada saya berkaitan dengan pengurusan kewangan.	4.19	0.919
2	Saya sering bercakap tentang pengurusan kewangan dengan ibu bapa saya.	3.85	1.069
3	Adalah lebih baik apabila ibu bapa mengawal perbelanjaan saya.	3.73	1.117
4	Ia adalah satu perkara yang baik untuk meminta ibu bapa saya untuk terus memegang wang saya kerana kadang kala ianya membantu saya untuk menyimpan.	3.78	1.096
5	Ibu bapa saya bangga dengan saya kerana saya menyimpan wang.	3.97	0.953
6	Saya menghargai nasihat yang diberi oleh ibu bapa tentang apa yang perlu dilakukan dengan wang saya.	4.22	0.876
7	Saya menyimpan wang kerana saya tidak fikir bahawa ibu bapa saya harus membayar sesuatu yang saya tidak benar-benar perlukan.	4.07	0.987
8	Amalan menabung adalah sesuatu yang kerap saya lakukan kerana ibu bapa mendidik saya untuk menabung sejak kecil lagi.	4.06	0.923
	Keseluruhan	3.98	0.711

Berdasarkan jadual 4, nilai min dan sisihan piawai keseluruhan bagi kawalan diri berada pada tahap yang tinggi (Min=3.56, SP=0.971). Ini bermakna pelajar mempunyai kawalan diri yang tinggi dalam menguruskan kewangan mereka. Item 2 “Saya seronok membelanjakan wang saya untuk sesuatu yang tidak praktikal/ Tidak berfaedah” mempunyai skor min yang tertinggi iaitu sebanyak 3.80 dengan nilai sisihan piawainya iaitu 1.095 manakala item 9 “Apabila saya menetapkan matlamat simpanan untuk diri sendiri, saya jarang untuk mencapai matlamat tersebut” mempunyai nilai min terendah iaitu sebanyak 3.24 dan nilai sisihan piawainya ialah 1.195. Terdapat item negatif dalam bahagian ini yang telah dikod semula untuk tujuan analisis. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kawalan diri yang tinggi dan tidak membelanjakan wang mereka untuk perkara yang tidak berfaedah.

**Jadual 4: Analisis Deskriptif Kawalan Diri**

Bil	Item	Min	SP
1	Saya tidak menabung kerana ianya susah.	3.57	1.295

2	Saya seronok membelanjakan wang saya untuk sesuatu yang tidak praktikal/ Tidak berfaedah	3.80	1.095
3	Apabila saya mendapat wang, saya akan terus berbelanja (antara 1 atau 2 hari)	3.75	1.210
4	“Saya lihat, saya sukakannya, saya membelinya” inilah saya.	3.64	1.256
5	“Beli sahaja” inilah cara saya membeli barang.	3.75	1.244
6	“Beli sekarang, fikir kemudian” inilah saya.	3.76	1.259
7	Saya mudah tertarik dengan godaan untuk membeli sesuatu.	3.43	1.333
8	Saya sering gagal dalam mengawal diri untuk berbelanja.	3.39	1.254
9	Apabila saya menetapkan matlamat simpanan untuk diri sendiri, saya jarang untuk mencapai matlamat tersebut.	3.24	1.195
10	Saya lebih prihatin dengan apa yang berlaku kepada saya dalam jangka masa pendek berbanding jangka masa panjang.	3.29	1.200
	Keseluruhan	3.56	0.971

Jadual 5 menunjukkan bahawa sikap menabung pelajar berada pada tahap yang tinggi (Min=3.93, SP=0.687). Item 7 iaitu “menyimpan wang untuk mencapai sesuatu matlamat” mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.10 dan nilai sisihan piawai sebanyak 0.852. Item 1 iaitu “menyimpan wang secara tetap untuk masa depan” mempunyai nilai skor min yang terendah iaitu sebanyak 3.36 dengan nilai sisihan piawainya ialah 1.140. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar menyimpan wang jika mereka mempunyai matlamat yang ingin dicapai.

**Jadual 5: Analisis Deskriptif Sikap Menabung**

Bil	Item	Min	SP
1	Saya menyimpan wang secara tetap untuk masa depan.	3.36	1.140
2	Saya sering membandingkan harga sebelum membuat pembelian untuk menjimatkan wang dan menabung	4.07	0.846
3	Sebelum saya membuat pembelian, saya sering mempertimbangkan sama ada ianya adalah keperluan sebenar atau tidak untuk menjimatkan wang dan menabung.	4.09	0.851
4	Saya selalu mengikut bajet bulanan saya dengan berhati-hati untuk menjimatkan wang dan menabung.	3.94	0.911
5	Saya sentiasa mempunyai wang kecemasan untuk digunakan pada waktu kecemasan.	3.95	0.946
6	Saya merancang setiap perbelanjaan saya untuk menjimatkan wang dan menabung.	4.01	0.880
7	Saya menyimpan wang untuk mencapai sesuatu matlamat.	4.10	0.852
8	Saya menyimpan wang sehingga tamat pengajian saya.	3.91	1.004
	Keseluruhan	3.93	0.687

Jadual 6 menunjukkan bahawa faktor literasi kewangan mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan sikap menabung. Dapatan ini selari dengan kajian Faisal et al., (2023), Sirine dan Utami (2016) dan Ariffin et al. (2017). Pelajar dilihat memerlukan pengalaman sebenar dalam pengurusan kewangan untuk membantu mereka membuat keputusan kewangan yang baik (Yaakob et al., 2015). Dapatan menunjukkan bahawa pengaruh ibu bapa mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan sikap menabung. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian lepas (Firmansyah, 2014; Salikin et al., 2012; Amilia et al., 2018; Hartono & Isbanah,



2022). Faktor kawalan diri mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan sikap menabung. Dapatan ini juga selari dengan kajian Mustapha (2013), Anastasya dan Pamungkas (2023) dan Sirine dan Utami (2016). Individu yang mempunyai efikasi sendiri, keyakinan dan matlamat yang jelas boleh membantu individu tersebut untuk sentiasa melakukan simpanan dan seterusnya dapat mengawal diri mereka daripada melakukan perbelanjaan secara tergesa-gesa.

**Jadual 6: Hubungan antara literasi kewangan, pengaruh ibu bapa dan kawalan diri dengan sikap menabung**

Sikap Menabung	Literasi Kewangan	Pengaruh Ibu Bapa	Kawalan Diri
Korelasi Pearson (r)	0.452**	0.480**	0.156**
Nilai sig (p)	0.000	0.000	0.000

\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.001$

### Kesimpulan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti hubungan di antara literasi kewangan, pengaruh ibu bapa dan kawalan diri dengan sikap menabung dalam kalangan pelajar universiti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap literasi kewangan, pengaruh ibu bapa, kawalan diri dan sikap menabung yang tinggi. Ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap menabung. Dapatan ini memberi saranan agar pendidikan berkaitan kewangan perlu lah diberikan kepada anak-anak sejak di usia muda lagi oleh ibu bapa atau guru di sekolah bagi meningkatkan amalan menabung dalam kalangan mereka. Ibu bapa hendaklah menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak agar mereka terbiasa dengan amalan kewangan yang baik dan tidak terlalu bergantung kepada ibu bapa. Jika di rumah, ibu bapa perlu sentiasa mengingatkan anak-anak untuk sentiasa berjimat cermat dan melakukan simpanan tetapi apabila pelajar berada di universiti, faktor kawalan diri menjadi sangat penting kerana mereka harus mengawal perbelanjaan mereka sendiri tanpa pertolongan ibu bapa mereka. Hakikatnya, ibu bapa juga perlu menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada anak-anak dan sentiasa berkomunikasi agar pelajar lebih berhati-hati dalam melakukan sesuatu keputusan kewangan. Literasi kewangan adalah sangat penting kepada mahasiswa bagi memupuk sikap menabung dan seterusnya menjamin amalan kewangan yang baik. Oleh itu, pihak universiti perlu merangka program yang sesuai dan berkesan untuk meningkatkan kemahiran kewangan dalam kalangan mahasiswa. Bengkel dan seminar kewangan boleh ditawarkan kepada mahasiswa sebagai salah satu pengisian alternatif ketika mereka di kampus. Kajian ini terhad kepada beberapa batasan yang dapat memberikan kesan terhadap data yang diperolehi. Pertama, sampel yang dipilih hanya melibatkan pelajar-pelajar di sebuah universiti awam sahaja. Kedua, kebanyakan responden dalam kajian ini, tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri dan hanya bergantung kepada elaun yang diberikan oleh ibu-bapa atau penaja masing-masing. Oleh itu peranan ibu-bapa adalah menjadi sangat penting dan berkait dengan amalan menabung pelajar. Kajian lanjutan perlu mengkaji responden yang mempunyai punca pendapatan sendiri supaya keputusan untuk menabung datang sepenuhnya dari kerelaan diri mereka sendiri.

### Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada penilai kerana telah memberikan komen yang konstruktif terhadap artikel ini.

## Rujukan

- Abdul Jamal, A.A, Ramlan, W.K., Mohidin, R. & Osman, Z. (2016). Determinants of savings behaviour among university students in Sabah, Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 1(1), 24-37.
- Anastasya, A. & Pamungkas, A. S. (2023). Pengaruh financial literacy, financial attitude, dan self control terhadap saving behaviour. *Jurnal Manajerial dan Kewirausahaan*, 5(2), 343 – 352
- Ariffin, M.R, Sulong, Z. & Abdullah, A. (2017). Students' perception towards financial literacy and saving behaviour. *World Applied Science Journal*, 35(10), 2194-2201.
- Faisal, A., Fauzi, A., & Respati, D. K. (2023). The effect of financial literacy, self-control, and peers on saving behavior students of state vocational high school in West Jakarta region, *International Journal of Multidisciplinary Research and Literature*, 2(2), 121-240.
- Firmansyah, D (2014). The influence of family backgrounds toward student's saving behavior: A survey of college students in jabodetabek. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 4, 1-6.
- Hartono, U., & Isbanah, Y. (2022). Students' saving behaviour: What are the motives that influence them to save? *Jurnal Ekonomi Bisnis dan Kewirausahaan (JEBIK)*, 11(3), 363-382
- Ismail, S.Z. (2014). Amanah: kawalan dalam diri, undang-undang dan persekitaran. *Jurnal Keputeraan*, 3. Diperoleh daripada <http://jurnalkeputeraan.jaheaik.gov.my/wp-content/uploads/2017/11/3->
- Khalisharani, H., Johan, I. R., & Sabri, M. F. (2022). The influence of financial literacy and attitude towards financial behaviour amongst undergraduate students: A cross-country evidence. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 30(2), 449–474.
- Lie, S., Astuti, D., Malelak, M.I. (2022). The effect of financial literacy and demographics on the saving behavior of the millennial generation. *International Journal of Financial and Investment Studies (IJFIS)*, 3(2), 110-118
- Mustapha, M. (2013). *Kemahiran perancangan kewangan dalam kalangan pelajarperakaunan di sekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Mpaata, E., Koskei, N., & Saina, E. (2020). Social influence and savings behavior: Evidence from a developing country context. *Journal of Management*, 3(4), 56-67.
- Rey-Ares, L. et al. (2021). Does self-control constitute a driver of millennials' financial behaviors and attitudes? *Journal of Behavioral and Experimental Economics*, 93, 1-15.
- Robertson-Rose, L. (2020). "Because my father told me to": Exploratory insights into parental influence on the retirement savings behavior of adult children, *Journal of Family and Economic Issues*, 41, 364–376
- Sabri, M.F. & MacDonald, M.(2010). Savings behaviour and financial problems among college students. *Cross-cultural Communication*, 6(3), 103-110.
- Salikin, N., Ab. Wahab, N., Zakaria, N., Masruki, N & Nordin, S.N. (2012). Students' saving attitude: does parents' background matter? *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 3(6).
- Setiawan, M, Effendi, N., Santoso, T., Dewi, V. I. & Sapulette, M. S. (2022). Digital financial literacy, current behavior of saving and spending and its future foresight. *Economics of Innovation and New Technology*, 31(4), 320-338
- Shahrul Azmi, S.N., Ab. Rahman, S., Ibrahim, S., Muhammad, N. & Mohd Esa, M. (2018). Amalan pengurusan kewangan mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 3(2), 9-23.

- Sirine, H & Dwi Utami, D.S. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi perilaku menabung di kalangan mahasiswa. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis*, 19(1), 1979-6472.
- Soukotta, A., Sampe, F., Putri, A.N., Cakranegara, P.A., Yusuf, M. (2022). Financial literacy and savings behavior female entrepreneurs in Kiaracondong Market, Bandung City. *Jurnal Darma Agung*, 30(2), 652 - 662
- Suri Amilia, Tengku Putri Lindung Bulan & Muhammad Rizal. (2018). Pengaruh melek finansial, sosialisasi orang tua, dan teman sebaya terhadap perilaku menabung mahasiswa bidik misi Fakultas Universitas Samudra. *Jurnal Samudra Ekonomika*, 2(2).
- Yaakob, R., Janor, H. & Khamis, N.A. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1).
- Yahaya, R., Zainol, Z., Abidin, J. H. O. @ Z., & Ismail, R. (2019). The effect of financial knowledge and financial attitudes on financial behavior among university students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(8), 22–32.
- Yusof, N. & Jamaluddin, Z. (2018). Kos perbelanjaan perumahan dalam kalangan penduduk kawasan perumahan kos rendah dan sederhana di Pulau Pinang. *Akademika* 88(1), 167-179.